



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

RUMAH PRIHATIN@GRANDSEASONS HOTEL KEBAJIKAN UNTUK RAKYAT TERKESAN COVID19

Lebih setahun, negara kita berperang dengan pandemik Covid-19 yang semakin mengganas dengan kewujudan varian-varian baharu yang boleh mengancam keupayaan sistem kesihatan awam negara kita. Dalam usaha untuk mengekang penularan wabak ini kerajaan telah mengambil pelbagai usaha dan inisiatif termasuk melaksana beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini sejak 18 Mac 2020. Walau bagaimanpun, pelaksanaan PKP ini mempunyai implikasinya terutama sekali kepada sektor ekonomi dan sosial yang turut menyumbang kepada masalah kesihatan mental dalam kalangan golongan miskin bandar. Melihat kepada keseriusan perkara ini, Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memperkenalkan satu lagi inisiatif RumahPrihatin@GrandSeasons di bawah payung Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin.

RumahPrihatin@GrandSeasons merupakan pusat kediaman yang berkonsepkan hotel kebajikan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat Covid-19 khususnya kepada golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan. RumahPrihatin@GrandSeasons ini merupakan satu platform untuk menghimpunkan, mengkordinasi dan merawat para individu yang terkesan akibat pandemik covid-19 yang dilaksanakan secara bersama dengan sokongan para sukarelawan, persatuan, organisasi korporat dan NGOs.

LIMA (5) komponen utama perkhidmatan “**WE CARE**” yang ditawarkan buat permulaan ini adalah

- (i) “**Dapur Prihatin**” (**DP**) - Dapur berpusat untuk menyediakan makanan percuma, 1,000 pek sehari kepada golongan gelandangan, fakir miskin, petugas barisan hadapan, musafir dan golongan yang tidak berkemampuan.
- (ii) “**Bilik Penginapan Prihatin**” (**BPP**) – 300 bilik penginapan hotel untuk manfaat golongan musafir, pelajar, individu-individu yang memerlukan penginapan sementara dan hanya membayar berdasarkan konsep BSM (Bayar Minimum Sekadar Mampu).

- (iii) “**Khidmat Kesihatan Mental Prihatin**” (**KKMP**) – Khidmat penjagaan kesihatan mental dan kaunseling yang dilaksanakan secara perseorangan dan kerahsiaan peribadi. Individu yang menerima perkhidmatan ini juga dijamin kerahsiaannya. Ia adalah perkhidmatan khas untuk mereka yang mengalami tekanan hidup akibat Covid 19. Kaunseling yang disediakan adalah oleh kaunselor berdaftar. Selain itu perkhidmatan kaunseling bagi menguruskan beban kewangan turut disediakan.
- (iv) “**Khidmat Vaksinasi Prihatin**” (**KVP**) – perkhidmatan vaksinasi yang dijalankan untuk peniaga, penjaja, golongan yang kurang upaya, gelandangan dan mereka yang memerlukan bantuan khas. Pusat ini mampu menempatkan lebih 800 orang pada satu-satu masa dengan penjarakan sosial. Buat masa ini perkhidmatan vaksinasi secara mobil dilaksanakan melalui program MyMedic@Wilayah yang membenarkan pemberian 600 dos vaksin setiap hari.
- (v) “**Pusat Gerakan Jejak Prihatin**” (**PGJP**) - Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo), Majlis Perwakilan Penduduk, AJK Surau Masjid, Persatuan Penduduk dan NGO-NGO akan dikoordinasikan untuk turun padang, menjelak dan menyantuni rakyat di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan mengumpul maklumat aduan/ bantuan yang diperlukan samada berbentuk fizikal, mental mahupun kerohanian.

Inisiatif **RumahPrihatin@GrandSeasons** ini dijangka bermula secara berperingkat mulai 15hb Julai 2021 di premis Hotel Grand Seasons, Jalan Pahang berhadapan Hospital Besar Kuala Lumpur.

Kementerian berharap usaha murni yang dijalankan dengan kerjasama YWP, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan, Yayasan Persahabatan Malaysia (PERMAI), Yayasan Kemiskinan Kelantan, Pertubuhan Muafakat Nasional, PriVo dan lain-lain ini membantu dalam mengkoordinasikan penyaluran bantuan serta perkhidmatan di **RumahPrihatin@GrandSeasons**.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh

- (i) melayari laman sesawang www.yayasanwp.org/rumahprihatin
- (ii) e-mel ke rumahprihatin@yayasanwp.org.my
- (iii) hubungi helpline di talian 01171107898

Kementerian percaya, inisiatif **RumahPrihatin@GrandSeasons** ini dapat membantu dalam mengkoordinasikan penyaluran bantuan serta perkhidmatan kepada warga Wilayah Persekutuan selaras dengan halatuju kerajaan, agar rakyat dapat menggerakkan usaha ke arah yang sama, bagi membaikpulih keadaan darurat kesihatan, ekonomi, mental dan fizikal rakyat yang begitu terkesan akibat pandemik Covid-19.

“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”

TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
8 Julai 2021